

PERBEZAAN ANTARA MASLAHAH MURSALAH DENGAN MAQASID SYARIAH

Dr. Muhammad Nazir Alias
Dr. Ahmad Bin Muhammad Husni
Mohd Sham Kamis,
Muhammad Adib Samsudin,
Anwar Fakhri Omar,
Ahmad Irdha Mokhtar

ABSTRAK

Kedudukan maqasid syariah sebagai sandaran hukum syarak telah menjadi perselisihan pandangan dalam kalangan ilmuwan Islam. Sebahagian daripada mereka menerima maqasid syariah boleh menjadi sandaran hukum secara langsung, manakala sebahagian yang lain tidak menerimanya. Perbincangan mengenai maqasid syariah oleh ilmuwan Islam silam sering kali muncul ketika mereka membincangkan mengenai kedudukan masalah mursalah sebagai kaedah penentuan hukum. Terdapat ilmuwan Islam yang mendakwa bahawa mazhab Syafie merupakan mazhab yang paling kurang berpegang kepada maqasid syariah selepas daripada mazhab Zahiri. Ini berasaskan kepada kenyataan bahawa mazhab Syafie menolak masalah mursalah dalam penentuan hukum syarak. al-Ghazali yang terdiri daripada tokoh besar aliran mazhab Syafie telah meletakkan masalah mursalah di bawah kategori dalil yang tidak berasas. Ini telah memberikan kefahaman kepada sebahagian ilmuwan Islam bahawa mazhab Syafie adalah yang lebih cenderung untuk berpegang kepada zahir nas syarak sahaja berbanding maqasid syariah yang terselindung di sebalik nas tersebut. Walaupun begitu, terdapat juga kajian yang membuktikan bahawa maqasid syariah telah diiktiraf oleh Imam Syafie dalam penentuan hukum. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis teori masalah mursalah dan teori maqasid syariah bagi mengenal pasti kaitan dan kedudukan di antara keduanya. Kajian ini menganalisis kitab-kitab turath dan juga penulisan ilmuwan-ilmuwan Islam kontemporari. Metod analisis deskriptif digunakan bagi mendapatkan gambaran jelas terhadap kedua-dua teori berkenaan bagi mengenal pasti aspek perbezaan dan hubungkait keduanya. Hasil kajian membuktikan bahawa masalah mursalah bukanlah maqasid syariah kerana kedua-duanya adalah dua perkara yang berbeza. Penolakan terhadap masalah mursalah oleh sebahagian ilmuwan Islam bukanlah merujuk kepada masalah yang menjadi maqasid syariah tetapi ia adalah masalah yang bersumberkan kepada logik akal semata-mata. Perselisihan pandangan mengenai kedudukan maqasid syariah adalah berasaskan kepada kekeliruan dalam membezakan antara masalah mursalah dan maqasid syariah.

Kata kunci: maqasid syariah, masalah mursalah, perundangan Islam

PENDAHULUAN

Maslahah mursalah merupakan satu kaedah penentuan hukum yang menjadi pertikaian yang panjang dalam kalangan ilmuwan Islam silam. Sebahagian ilmuwan Islam menerimanya sebagai kaedah penentuan hukum syarak. Manakala sebahagian yang lain pula menyatakan penolakan mereka terhadap *masalah mursalah*.

Mazhab Maliki merupakan mazhab yang popular dalam pemakaian *masalah mursalah* sebagai kaedah penentuan hukum. Manakala, Imam al-Ghazali (1993) yang beraliran mazhab Syafie pula telah meletakkan ia sebagai salah satu kaedah penentuan hukum yang tidak berasas. Ini secara langsung memberikan kefahaman bahawa ia merupakan kaedah penentuan hukum yang ditolak oleh mazhab Syafie.

Perbincangan mengenai maqasid syariah selalunya muncul dalam perbincangan ilmuwan Islam silam ketika mereka membicarakan mengenai kedudukan *masalah mursalah*. Oleh itu, kedudukan maqasid syariah sebagai sandaran hukum telah menjadi perselisihan dalam kalangan ilmuwan Islam kontemporari. Sebahagian mereka menerima maqasid syariah sebagai sandaran hukum (Auda, 2013). Manakala sebahagian yang lain tidak menerima maqasid syariah sebagai sandaran langsung hukum syarak (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2017; Mohd Hapiz Mahaiyadin, 2017). Namun begitu, tiada kajian lanjutan yang telah dilakukan bagi mengenal pasti titik yang menerbitkan perselisihan pandangan ini.

PERMASALAHAN

Sebahagian ilmuwan Islam telah menyatakan penolakan mereka terhadap maqasid syariah sebagai sandaran hukum secara langsung. Ini kerana telah terdapat kaedah penentuan hukum yang telah disepakati oleh ilmuwan Islam silam adalah berdasarkan kepada al-Quran, hadis, ijmak dan qiyas. Oleh itu, maqasid syariah hanya sekadar menjadi panduan sahaja dalam penetapan hukum berasaskan kepada kaedah-kaedah tersebut (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2017; Mohd Hapiz Mahaiyadin, 2017).

Maslahah mursalah adalah kaedah penetapan hukum yang tidak disepakati penerimaannya oleh ilmuwan Islam. Oleh kerana perbincangan maqasid syariah sering kali dibincangkan bersama dengan perbincangan mengenai kedudukan *masalah mursalah*, ia secara tidak langsung memberikan gambaran bahawa penolakan terhadap kehujahan *masalah mursalah* adalah penolakan terhadap kehujahan maqasid syariah itu sendiri. Ibn Bayyah (2012) merumuskan bahawa aliran mazhab Syafie adalah aliran yang tidak cenderung untuk mengguna pakai maqasid syariah yang terkandung di sebalik nas syarak dan hanya berpegang kepada nas syarak secara zahir sahaja dalam penentuan hukum syarak. Rumusan ini adalah berasaskan kepada kenyataan bahawa aliran mazhab Syafie hanya menerima qiyas dan menolak *masalah mursalah* sebagai kaedah penentuan hukum.

Persoalannya adakah *masalah mursalah* dan maqasid syariah adalah dua teori yang mempunyai persamaan dan penolakan terhadap salah satu daripadanya merupakan penolakan terhadap keduanya? Perbincangan seterusnya akan membicarakan secara deskriptif mengenai kedua-dua teori *masalah mursalah* dan maqasid syariah. Selanjutnya kedua-dua teori tersebut dianalisis bagi mengenal pasti perbezaan dan kaitan di antara keduanya. Akhirnya rumusan akan dibuat terhadap titik perbezaan pandangan mengenai kedudukan maqasid syariah sebagai sandaran hukum syarak.

ANALISIS TEORI MASLAHAH MURSALAH DAN MAQASID SYARIAH

Bagi menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan, kedua-dua teori *masalah mursalah* dan maqasid syariah akan dianalisis secara deskriptif bagi mendapat gambaran yang jelas terhadap teori kedua-dua teori tersebut. Ia bagi mengenal pasti perkaitan dan perbezaan antara kedua-dua teori tersebut. Seterusnya kedudukan maqasid syariah sebagai sandaran hukum menurut mazhab Syafie juga akan dianalisis.

Definisi Masalah Mursalah

Maslahah mursalah adalah dua perkataan dalam bahasa Arab. Gabungan dua perkataan mempunyai maksudnya yang khusus menurut ilmu usul fiqh.

Definisi Masalah Menurut Bahasa Arab

Maslahah dalam bahasa Arab mempunyai dua maksud. Maksud pertama ialah kebaikan dan kemaslahatan. Dalam bahasa Arab dikatakan *aslah* yang bermaksud membuat sesuatu yang memberikan kebaikan atau memperbaiki sesuatu. Dikatakan juga dalam bahasa Arab, perkara ini mengandungi *masalahah* yang memberi maksud bahawa perkara ini mengandungi kebaikan (Al-Azharī, 2001; Ibn Manzūr, n.d.). Maksud ini merupakan maksud asal dan hakiki bagi perkataan *masalahah*.

Maksud kedua perkataan *masalahah* ialah perbuatan yang memberikan kebaikan kepada manusia. Maksud ini merupakan maksud yang *majazi* bagi perkataan *masalahah* (Hassān, 1971). Dikatakan dalam bahasa Arab, perniagaan ini mengandungi *masalahah* (kebaikan) dan menuntut ilmu adalah suatu *masalahah* (kebaikan) kerana kedua-dua perkara tersebut adalah sebab yang membawa manusia kepada kebaikan.

Perkataan jamak kepada *masalahah* ialah *masalih*. Lawan kepada perkataan *masalahah* ialah *mafsadah* yang bermaksud keburukan.

Makna *mursalah* pula menurut bahasa arab ialah bebas tanpa sebarang batasan (Ibn Manzūr, n.d.). Perkataan *mursalah* merupakan sifat kepada perkataan *masalahah* yang memberi maksud *masalahah* yang bebas dan tanpa sebarang had.

Definisi Masalah Menurut Istilah

Terdapat beberapa definisi *masalahah* menurut ulama Islam. Definisi-definisi tersebut adalah seperti berikut:

- a) Menurut al-Ghazali, *masalahah* ialah perkara yang menjaga kehendak dan matlamat syariah. Matlamat syariah menurut beliau, adalah untuk menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Menurut beliau lagi, semua perkara yang dapat menjaga lima perkara tersebut dinamakan *masalahah*. Manakala semua perkara yang dapat menggugat lima perkara tersebut pula dinamakan *mafsadah* dan menolak *mafsadah* juga termasuk dalam *masalahah* (Al-Ghazālī, 1993).
- b) *Maslahah* ialah kebaikan yang ingin dicapai oleh syariah melalui penyariatian hukum. Lafaz lain yang memberikan maksud serupa ialah *al-hikmah* dan *maqasid*. Menurut Zayn al-Abidin al-Abd definisi *masalahah* ini boleh difahami daripada definisi sebahagian besar ulama *usul al-fiqh* terhadap *al-illah* (Al-ʿAbd, 2004). Contoh bagi *masalahah* menurut definisi ini ialah terhasilnya pemilikan melalui penyariatian jual beli dan sewa.
- c) Menurut Imam Izzuddin pula, *masalahah* terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, *masalahah* yang hakiki iaitulah kegembiraan dan kelazatan. Contohnya seperti kelazatan makan, ketenangan jiwa, kesihatan dan lain-lain. Kedua, *masalahah* yang *majazi* iaitulah perkara yang menjadi sebab kepada kelazatan dan kegembiraan seperti perniagaan, pertanian (Sultān al-ʿUlamāʾ, 1991).

Kategori Masalah Menurut Syariat Islam

Bagi mendapat gambaran yang lebih jelas terhadap definisi *masalahah mursalah*, kategori *masalahah* menurut syariat Islam akan dibicarakan terlebih dahulu. Seperti yang telah dinyatakan bahawa syariat Islam diturunkan adalah untuk memberikan kemaslahatan kepada manusia dan menjauhkan mereka dari bahaya serta keburukan. Berdasarkan kepada penelitian nas-nas syarak, *masalahah* secara umumnya terbahagi kepada tiga kategori (Al-Ghazālī, 1993; Bürkāb, 2002):

i) *Maslahah yang diperakui oleh syarak melalui nas secara khusus*

Ia merupakan *masalahah* yang mempunyai dalil khusus daripada al-Qur'an dan Sunnah. *Maslahah* ini terkandung dalam semua perintah Allah. *Maslahah* manusia menurut Islam tidak terbatas di dunia sahaja bahkan ia meliputi di akhirat juga. *Maslahah* di akhirat merupakan asas kepada *masalahah* di dunia (Al-Shātibī, 2004). Ini kerana menurut Islam, dunia ini hanya sementara dan tidak akan kekal. Sebaliknya kehidupan di hari akhirat adalah kekal untuk selama-lamanya. Oleh itu, semua peraturan yang diturunkan oleh Allah kepada manusia tidak memisahkan di antara kedua-dua *masalahah* ini. Perintah Allah yang dilaksanakan oleh manusia akan menampakkan kesan kebaikannya di dunia dan tentunya juga di akhirat. Kesan keburukan terhadap pengabaian perintah Allah juga dirasai di dunia dan juga di akhirat.

Melalui penelitian terhadap nas-nas syarak juga, *masalahah* jenis ini terbahagi kepada tiga jenis seperti berikut:

- a) **Maslahah Daruriyyah:** iaitulah keperluan manusia yang menjadi asas kehidupan mereka. Jika keperluan pada tahap ini tidak dipenuhi, kehidupan manusia pasti akan menuju kehancuran (Al-Juwaynī, 1997; Al-Shāṭibī, 2004). Keperluan ini merangkumi lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Al-Ghazālī, 1993; Al-Shāṭibī, 2004). Contoh *masalah daruriyyah* ini adalah seperti kewajipan beriman, solat, puasa dan haji.
- b) **Maslahah Hajjiyyah:** iaitulah keperluan utama manusia bagi menjadikan kehidupan mereka berjalan dengan mudah dan lancar (Al-Ghazālī, 1993; Al-Shāṭibī, 2004). *Maslahah daruriyyah* merupakan asas kepada keperluan *masalah hajjiyyah* ini (Al-Shāṭibī, 2004). Jika keperluan tahap ini diabaikan, kelima-lima perkara *daruriyyah* bagi manusia akan dilaksanakan dalam keadaan yang sangat susah. Contoh keperluan jenis ini seperti keharusan memburu, jual beli dan sewa menyewa. Jika perkara ini tidak diharuskan oleh syarak, nescaya kehidupan manusia akan menjadi sangat susah.
- c) **Maslahah Tahsiniyyah:** iaitulah keperluan sampingan bagi melengkapkan kehidupan manusia supaya ia berjalan dalam keadaan yang indah dan selesa (Al-Ghazālī, 1993; Al-Shāṭibī, 2004). Keperluan tahap ini merupakan keperluan yang paling rendah dan ketiadaannya tidaklah menyusahkan kehidupan manusia. Namun begitu, kewujudan *masalah* ini dapat memberikan keselesaan serta keindahan kepada kehidupan. Contoh keperluan jenis ini seperti bersuci daripada hadas, membersihkan diri daripada najis ketika beribadah dan menutup aurat ketika solat.

ii) **Maslahah yang tidak diperakui oleh syarak melalui nas secara khusus**

Terdapat perkara yang dianggap oleh manusia sebagai *masalah* tetapi ditolak oleh nas-nas syarak (Al-Ghazālī, 1993). *Maslahah* sebegini dipanggil *masalah mulghah* iaitu *masalah* yang tidak diiktiraf oleh syarak. Perkara yang mengandungi *masalah mulghah* hanya akan mendatangkan kemudharatan kepada manusia. Oleh itu, syarak mengharamkannya supaya kemudharatannya dapat dihindari. Contoh *masalah* jenis ini seperti membunuh diri, memakan riba dan meminum arak. Walaupun perkara-perkara ini mungkin dilihat mengandungi kebaikan kepada sesetengah pihak tetapi syarak menolaknya kerana pada hakikatnya perkara tersebut hanya mendatangkan kemudharatan kepada umat manusia secara keseluruhannya.

iii) **Maslahah yang tidak mempunyai nas-nas syarak khusus yang memperakui atau menolaknya**

Terdapat perkara yang jika dikaji dan diteliti, ia mengandungi kebaikan dan adakalanya kebaikan tersebut menjadi keperluan manusia. Tetapi apabila perkara tersebut dirujuk kepada syarak, maka tiada sebarang nas khusus yang mengiktiraf atau menolaknya (Al-Ghazālī, 1993). *Maslahah* jenis ini telah menjadi pertikaian di kalangan ilmuwan Islam silam samada ia boleh diterima atau ditolak. Sebahagian ilmuwan Islam menamakan perkara sebegini sebagai *masalah mursalah* kerana ia bebas daripada sebarang ikatan nas syarak (Al-Zuhaylī, 1986). *Maslahah* jenis ini terbahagi kepada tiga kategori:

a) **Maslahah yang bersesuaian dengan objektif syariah**

Penelitian terhadap sebilangan nas syarak mendapati bahawa jenis *masalah* sebegini diperakui oleh syarak walaupun tiada nas khusus yang memperakuiannya (Al-Shawkānī, 2000; Al-Zuhaylī, 1986). Sebahagian ilmuwan Islam menyatakan bahawa *masalah* inilah yang dimaksudkan dengan *masalah mursalah*. Oleh itu, tanpa ragu-ragu mereka menerimanya secara mutlak (Bürkāb, 2002). Contoh kepada *masalah* jenis ini ialah persepakatan para sahabat pada zaman pemerintahan Saidina Abu Bakar untuk mengumpul tulisan al-Qur'an yang ditulis pada zaman Rasulullah supaya ia menjadi salinan rasmi al-Qur'an yang disimpan oleh khalifah. Tidak terdapat sebarang arahan daripada Rasulullah yang menyuruh para sahabat melakukan tindakan sedemikian. Hal ini jelas apabila Saidina Abu Bakar sendiri pada awalnya tidak bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Saidina Umar ini. Saidina Abu Bakar menjawab: "Bagaimanakah kamu ingin melakukan sesuatu perkara yang tidak dilakukan oleh Rasulullah?" Saidina Umar menjawab: "Demi Allah! Ia adalah kebaikan" (Al-Bukhārī, 1997). Namun begitu, tiada juga nas khusus yang melarang tindakan tersebut. Tetapi melalui penelitian yang mendalam, tindakan tersebut didapati mengandungi kebaikan yang sangat besar kepada umat Islam. Kebaikan tersebut adalah bersesuaian dengan objektif syariat Islam bagi menjaga agama supaya sentiasa terpelihara. Dalam kisah ini, para sahabat telah sepakat untuk melakukannya walaupun mereka tidak mendapati sebarang nas khusus yang memerintahkannya.

b) **Maslahah yang bertentangan dengan objektif syariah**

Maslahah sebegini termasuk dalam *masalah mulghah* iaitulah *masalah* yang ditolak oleh syarak. Ini kerana walaupun tiada sebarang nas syarak khusus yang menolaknya tetapi pertentangannya dengan objektif syariah sudah cukup untuk membuatnya tertolak dan tidak diharuskan (Al-Shawkānī, 2000; Bürkāb, 2002). Contoh *masalah* sebegini seperti fatwa seorang ilmuwan Islam terhadap seorang raja yang telah melakukan jimak pada siang hari bulan Ramadan. Ilmuwan tersebut telah menyuruh raja tersebut supaya berpuasa dua bulan berturut-turut. Hukuman tersebut adalah bertujuan untuk memberi pengajaran kepada raja tersebut supaya tidak mengulangi lagi kesalahannya itu setelah dia merasa keperitan berpuasa selama dua bulan (Al-Ghazālī, 1993). Namun begitu, fatwa tersebut adalah bertentangan dengan objektif syariat Islam yang tidak melihat kepada perbezaan status seseorang dalam persoalan sebegini. Hukuman yang sepatutnya dikenakan terhadap raja tersebut ialah memerdekakan seorang hamba (Al-Bukhārī, 1997). Oleh itu, fatwa sebegini adalah tertolak dan tidak boleh diterima.

c) **Maslahah yang tidak bertepatan dan tidak berlawanan dengan objektif syariah**

Kewujudan *masalah* seumpama ini pada hakikatnya adalah suatu yang mustahil kerana syariat Islam adalah sempurna. Ia berdasarkan kepada firman Allah dalam surah al-An'am ayat 38 yang bermaksud: tidak Kami tinggalkan sesuatu pun dalam kitab al-Quran ini (tanpa sebarang hukum). Sebahagian ulama menyatakan bahawa *masalah* jenis inilah yang dimaksudkan sebagai

masalah mursalah dan ianya perlu ditolak sama sekali (Al-Shawkānī, 2000; Bürkāb, 2002). Pada hakikatnya, *masalah* sebegini adalah merujuk kepada *masalah gharibah* (ganjil) yang telah ditolak oleh semua ilmuwan Islam (Al-Ghazālī, 1993).

Definisi Masalah Mursalah Menurut Istilah

Terdapat perbezaan ilmuwan Islam terhadap definisi *masalah mursalah*. Perbezaan definisi ini telah mempengaruhi pandangan mereka terhadap keharusan pemakaian *masalah mursalah* sebagai satu kaedah penentuan hukum. *Masalah mursalah* telah didefinisikan dengan dua definisi.

Definisi pertama ialah *masalah* yang tidak diperakui atau ditolak oleh mana-mana nas syarak yang khusus atau umum (Al-Āmidī, 1998; Bürkāb, 2002). Pada hakikatnya, jika *masalah mursalah* dimaksudkan dengan definisi ini, ianya ditolak oleh semua ilmuwan Islam. Ini kerana ia berlawanan dengan kenyataan bahawa syariat Islam ini adalah syariat yang lengkap dan sempurna. Oleh itu, tiada sebarang perkara yang tidak mempunyai hukum dalam syariat Islam. Jika nas-nas atau kaedah-kaedah syarak tidak mampu menentukan hukum sesuatu perkara, ia memberi maksud bahawa syariat yang tidak lengkap dan tidak sempurna. Kenyataan sebegini adalah suatu yang tidak benar dan bertentangan dengan firman Allah dalam surah al-Nahl ayat 89 yang bermaksud: “dan Kami turunkan kepadamu al-Qur’an bagi menjelaskan tiap-tiap sesuatu”. Definisi ini adalah sesuai menjadi definisi kepada *masalah gharibah* (ganjil) (Al-Ghazālī, 1993). Sebahagian ilmuwan Islam yang menyatakan penolakan mereka terhadap pemakaian *masalah mursalah* sebagai kaedah penentuan hukum adalah merujuk kepada *masalah mursalah* berasaskan kepada definisi ini (Al-Āmidī, 1998; Al-Zuhaylī, 1986; Bürkāb, 2002).

Definisi kedua pula ialah *masalah mursalah* bermaksud *masalah* yang bersesuaian dengan objektif syariah Islam dan *masalah* yang diiktiraf oleh sekumpulan nas wahyu secara umum tetapi tiada nas wahyu tunggal secara khusus yang memperakui atau menolaknya. Melalui penelitian yang mendalam, *masalah mursalah* dengan maksud ini hanya ditolak oleh ilmuwan yang beraliran *Zahiri* (Ibn Ḥazm, 1998). Manakala semua ilmuwan Islam selain aliran *zahiri*, menerimanya sebagai kaedah penentuan hukum walaupun tahap pemakaiannya adalah berbeza-beza menurut aliran mazhab-mazhab fiqh silam (Abū Zahrah, 1997; Ahmad Wifaq Mokhtar, 2014; Al-Būṭī, 1982; Al-Zuhaylī, 1986; Bürkāb, 2002; Ibn Bayyah, 2006).

Menurut ilmuwan Islam silam yang beraliran mazhab Maliki, *masalah mursalah* merupakan satu kaedah penentuan hukum yang tersendiri (Abū Zahrah, 1997; Bürkāb, 2002). Menentukan hukum berasaskan *masalah al-mursalah* menurut aliran mazhab Maliki ialah dengan cara melihat kepada realiti persoalan yang dihadapi oleh manusia. Jika persoalan tersebut mengandungi *masalah* dan ia tidak bertentangan dengan sebarang dalil syarak, maka persoalan tersebut diharuskan walaupun tidak terdapat sebarang dalil tunggal khusus yang menyatakan hukumnya atau yang boleh diqiyaskan (Al-ʿAbd, 2004; Ibn ʿĀshūr, 2001). Ini bermaksud *masalah mursalah* menurut aliran ini merupakan satu kaedah penentuan hukum setaraf dengan *qiyas*.

Manakala pemakaian *masalah mursalah* oleh aliran mazhab yang lain pula dikesan menggunakan kaedah yang berbeza-beza. Pemakaian *masalah mursalah* oleh aliran mazhab Hanafi boleh dikesan melalui pemakaian *istihsan* yang berasaskan kepada *masalah*. Pemakaiannya oleh aliran mazhab Syafie pula boleh dikesan melalui pemakaian *qiyas* yang berasaskan kepada *munasib* sebagai *illah*. Pemakaiannya oleh aliran mazhab Hanbali juga dapat dikesan dalam pemakaian *qiyas* (Abū Zahrah, 1997; Ahmad Wifaq Mokhtar, 2014; Al-Āmidī, 1998; Al-ʿAbd, 2004; Al-Zuhaylī, 1986; Bürkāb, 2002).

Definisi Maqasid Syariah

Perbincangan seterusnya akan diteruskan kepada perbincangan mengenai teori maqasid syariah sebelum analisis terhadap kaitannya dengan teori *masalah mursalah* dilakukan.

Definisi Maqasid Syariah Menurut Bahasa Arab

Maqasid syariah terdiri daripada dua perkataan iaitu maqasid dan syariah. Setiap daripada kedua perkataan tersebut mempunyai maksud yang tersendiri di dalam bahasa Arab. Maqasid adalah kata jamak kepada *maqṣad* iaitu kata terbitan kepada kata kerja *qaṣada*, *yaqṣidu*, *qaṣd* dan *maṣṣad*. *Qaṣd* dalam bahasa Arab (Al-Fayyūmī, n.d.; Ibn Fāris, 1979) mempunyai beberapa maksud iaitu:

- a) Mendatangi sesuatu dan menghala ke arahnya.
- b) Lurus dan tidak bengkok. Dikatakan dalam bahasa Arab, *ṭarīq qāṣid* bermaksud jalan yang lurus dan mudah untuk dilalui.
- c) Adil, pertengahan dan tidak melampau.
- d) Memecahkan atau pecahan.

Manakala syariah pula dalam bahasa Arab bermaksud agama, jalan dan manhaj. Dari sudut istilah pula, syariah bermaksud peraturan yang ditetapkan oleh Allah ke atas manusia melalui nabinya (Al-Yūbī, 1998).

Definisi Maqasid Syariah Menurut Istilah

Terdapat beberapa definisi maqasid syariah yang telah dikemukakan oleh ilmuwan Islam. Di antara contoh bagi definisi-definisi tersebut ialah definisi yang dikemukakan oleh Sheikh ʿAllāl Al-Fāṣī (1993) yang menyatakan bahawa maqasid syariah ialah: “Tujuan pensyariaan dan rahsia yang diletakkan oleh syarak pada setiap hukumnya”. Manakala menurut Dr. Aḥmad Al-Raysūnī (1992, 1999) pula menyatakan bahawa maqasid syariah ialah: “Tujuan-tujuan yang ditetapkan oleh syariah untuk direalisasikan bagi kemaslahatan manusia”. Dr. Muḥammad Saʿad Al-Yūbī (1998) pula menegaskan bahawa maqasid syariah ialah: “Makna, hikmah dan seumpamanya yang diambil kira oleh syarak dalam pensyariaan secara umum atau secara khusus dengan tujuan untuk memberikan kebaikan kepada manusia”. Berdasarkan kepada definisi-definisi yang dikemukakan, maqasid syariah boleh disimpulkan sebagai perkara yang menjadi tujuan syarak yang difahami melalui penelitian yang menyeluruh dan mendalam terhadap nas-nas syarak. Perkara tersebut memberikan kebaikan dan kemaslahatan kepada manusia di dunia dan akhirat.

Metod Penentuan Maqasid Syariah

Maqasid syariah merupakan tujuan yang diperolehi melalui pemahaman yang mendalam terhadap nas-nas syarak secara menyeluruh. Oleh itu, ia diperolehi melalui analisis terhadap himpunan nas-nas syarak dengan menggunakan metod yang dinamakan oleh ilmuwan Islam sebagai *istiqrā'*.

Metod *istiqrā'* ini telah ditegaskan oleh Imam al-Shāṭibī (2004) merupakan metod yang penting bagi mengenal pasti maqasid syariah. *Istiqrā'* bermaksud meneliti hukum secara *juz'ī* (tunggal) bagi memperolehi objektif yang berbentuk *kullī* (umum). Ia terbahagi kepada dua iaitu *istiqrā' tām* dan *istiqrā' nāqīṣ*. *Istiqrā' tām* bermaksud meneliti keseluruhan hukum *juz'ī* bagi memperolehi objektifnya secara *kullī*. Ia membawa kepada objektif *kullī* yang *qat'ī* (muktamad) menurut sebahagian besar ulama. Manakala *istiqrā' nāqīṣ* pula bermaksud penelitian sebahagian besar sahaja hukum *juz'ī* sehingga objektif *kullī* diperolehi. Ia hanya membawa kepada objektif *kullī* yang berbentuk *ẓannī* (tidak muktamad) (Al-Yūbī, 1998).

Perkara-perkara yang telah dianalisis bagi mengenal pasti maqasid syariah daripada nas-nas syarak ialah:

- a) Perintah dan larangan yang dinyatakan secara jelas pada awal pensyariatannya seperti perintah untuk melakukan perintah mendirikan solat, mengeluarkan zakat, larangan mensyirikkan Allah, larangan riba dan seumpamanya. Perintah dan larangan tersebut pada permulaan awal pensyariatannya adalah bertujuan supaya ianya dipatuhi. Terkeluar daripada kenyataan 'pada awal pensyariatan', perintah atau larangan yang dimaksudkan untuk tujuan lain seperti larangan berjual beli pada waktu solat Jumaat. Melakukan jual beli tersebut bukanlah suatu yang dilarang pada awal pensyariatan tetapi ia dilarang dengan bertujuan untuk menguatkan perintah mendirikan solat Jumaat. Oleh itu, larangan tersebut tidak menjadi objektif asal syariah. Terkeluar juga daripada kenyataan 'yang dinyatakan secara jelas', perintah dan larangan yang diperolehi secara kefahaman daripada nas syarak dan ia tidak dinyatakan secara langsung di dalam nas seperti perintah terhadap suatu perkara yang membawa maksud larangan terhadap perkara yang berlawanan dengan perintah tersebut serta larangan terhadap suatu perkara yang membawa maksud perintah terhadap perkara yang berlawanan dengan larangan tersebut (Al-Shāṭibī, 2004).
- b) Sebab atau *illah* terhadap perintah-perintah dan larangan-larangan syarak (Al-Shāṭibī, 2004). Semua perintah dan larangan yang diketahui *illahnya* dihimpun dan diteliti *illahnya* bagi mendapatkan gambaran jelas terhadap objektif yang hendak dicapai oleh *illah* tersebut (Ibn ʿĀshūr, 2001). Sebagai contoh larangan seorang muslim daripada meminang tunangan orang lain, anjuran memberi salam, bersangka baik, larangan mencela, menipu dan seumpamanya adalah bertujuan supaya persaudaraan Islam sentiasa utuh di antara umat Islam.
- c) Tiada sebarang perintah atau larangan dalam keadaan wujudnya keperluan terhadap sesuatu perintah atau larangan (Al-Shāṭibī, 2004). Keadaan ini memberi kefahaman bahawa objektif syarak ialah tiada sebarang pertambahan yang perlu dilakukan terhadap perintah atau larangan yang sedia ada. Sebagai contoh perintah untuk solat lima kali sehari bagi membersihkan jiwa dari dosa-dosa yang dilakukan oleh manusia. Kewajipan solat tersebut tidak boleh ditambah walaupun terdapat orang yang merasakan dirinya perlu untuk melakukan solat yang lebih banyak bagi membersihkan dosa-dosa besar yang telah dilakukannya. Sebarang tambahan dalam perkara sebegini dianggap *bid'ah*.
- d) Ayat-ayat al-Qur'an yang tidak mempunyai maksud selain dari tujuan syarak berdasarkan kepada kefahamannya dalam bahasa Arab seperti ayat yang menyatakan bahawa Allah tidak menyukai orang yang zalim dan fasik, ayat yang melarang dari memakan harta orang lain secara batil dan seumpamanya (Ibn ʿĀshūr, 2001).

Sebagai kesimpulan, maqasid syariah merupakan matlamat syariah yang dirumus daripada kefahaman yang mendalam dan menyeluruh terhadap nas-nas syarak. Maqasid syariah bukanlah suatu yang difikirkan oleh akal manusia semata-mata tetapi ia dibentuk berdasarkan kepada kefahaman yang jitu terhadap nas-nas syarak.

Pembahagian Maqasid Syariah

Maqasid syariah ialah tujuan yang ingin dicapai oleh syarak melalui pensyariatan hukum. Ia telah dibahagikan kepada beberapa bahagian oleh ilmuwan Islam berasaskan kepada *ijtihad* mereka melalui penelitian yang mendalam terhadap dalil-dalil syarak (Ibn ʿĀshūr, 2001). Secara umumnya syariat Islam bertujuan untuk memberikan kebaikan dan menjauhkan keburukan daripada manusia serta menjamin kepentingan mereka. Kepentingan manusia yang menjadi keutamaan syarak terbahagi kepada tiga jenis iaitu:

- a) **Maqasid *Ḍarūriyyāt***: iaitu perkara yang menjadi keperluan manusia dan menjadi asas kepada kehidupan mereka. Jika keperluan ini tidak dipenuhi, kehidupan mereka akan menuju kehancuran. Keperluan asas ini ialah agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Perkara-perkara ini menjadi objektif syarak dalam keseluruhan pensyariatan hukum (Al-Najjār, 2008; Al-Yūbī, 1998).
- b) **Maqasid *Hājiyyāt***: iaitu keperluan manusia yang menjadikan kehidupan mereka berjalan dengan mudah dan lancar. Ketidadaannya menyebabkan manusia menjalani kehidupan dengan penuh kesukaran dan huru-hara. Antara contoh perkara tersebut adalah keharusan jual beli, sewaan, pinjaman dan keringanan melakukan ibadat ketika sakit atau bermusafir. Perkara-perkara ini menyokong *maqasid ḍarūriyyāt* seperti di atas.
- c) **Maqasid *Taḥsiniyyāt***: iaitulah keperluan sampingan dan pelengkap yang menjadikan kehidupan manusia lebih kemas dan selesa. Keperluan jenis ini berada di tahap yang paling rendah dan kehilangannya tidaklah menyusahkan kehidupan manusia tetapi kesannya, ia menyebabkan kehidupan yang hambar, suram serta tidak ceria. Contoh maqasid ini ialah keharusan memakai pakaian dengan pelbagai corak dan warna, kenderaan mewah dan keharusan menggunakan gelaran-gelaran yang baik (Al-Najjār, 2008; Al-Shāṭibī, 2004).

Selain daripada aspek-aspek di atas, maqasid syariah juga boleh dibahagikan berasaskan kepada sokongan dalil-dalil syarak seperti berikut:

- a) **Maqasid *Āmmah***: iaitu matlamat dalil syarak secara keseluruhannya seperti menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Matlamat untuk memudahkan dan tidak menyusahkan, matlamat menjaga sistem kehidupan manusia supaya teratur, matlamat manusia sebagai khalifah di atas muka bumi ini dan matlamat untuk mendatangkan kebaikan serta menjauhkan keburukan (Al-Najjār, 2008; Yamānī, 2006).
- b) **Maqasid *Khassah***: iaitu matlamat syarak dalam sesuatu bab tertentu seperti matlamat syariah dalam bidang jenayah, harta dan kekeluargaan (Al-Raysūnī, 1992; Yamānī, 2006). Setiap kelompok hukum tersebut mempunyai matlamat dan tujuannya yang tersendiri yang menyokong maqasid *‘āmmah* (Al-Najjār, 2008).
- c) **Maqasid *Juz’iyyah***: iaitu matlamat syariah dalam setiap hukum yang berkaitan dengan sesuatu persoalan secara khusus seperti pengharaman arak kerana ia memabukkan, pengharaman bangkai kerana ia memudaratkan kesihatan dan kewajipan menunaikan zakat bagi membantu golongan yang memerlukan (Al-Raysūnī, 1992; Ibn ‘Āshūr, 2001). Ia juga dinamakan sebagai hikmah, *illah*, rahsia syarak dan *ma’ nā* (Al-Najjār, 2008; Yamānī, 2006).

Hubungan Antara Maqasid Syariah Dengan *Maslahah Mursalah*

Berdasarkan kepada perbincangan teori *maslahah mursalah* dan teori maqasid syariah seperti di atas, kaitan dan perbezaan di antara kedua teori tersebut dapat dikenal pasti.

Seperti yang telah dinyatakan, *maslahah mursalah* adalah *maslahah* yang dikenal pasti dalam suatu realiti tetapi ia tidak mempunyai sebarang sokongan atau penolakan secara langsung daripada dalil syarak dan dalam masa yang sama juga, ia tidak pula bercanggah dengan mana-mana dalil syarak bahkan ia juga selari dengan tujuan-tujuan syarak secara umum. Manakala maqasid syariah adalah kefahaman terhadap tujuan-tujuan syarak yang diperolehi daripada penelitian meluas dan menyeluruh terhadap dalil-dalil syarak. Oleh itu, kedua-dua teori tersebut mempunyai perbezaan yang sangat besar.

Maslahah mursalah bukanlah bermaksud maqasid syariah tetapi ia adalah *maslahah* yang selari dengan maqasid syariah. Maqasid syariah pula bukanlah suatu yang lahir daripada pemikiran akal yang tidak berasas sama sekali tetapi ia adalah kefahaman yang terbentuk dan terhasil daripada penelitian sejumlah besar dalil syarak. Maqasid syariah pada hakikatnya adalah *maslahah mu’tabarah* iaitu *maslahah* yang diperakui oleh syarak dan perakuan itu tidak bersandarkan kepada dalil tunggal semata-mata bahkan ia diperakui oleh sejumlah besar atau keseluruhan dalil syarak.

Berdasarkan kepada hakikat ini, maqasid syariah boleh menjadi sandaran bagi penentuan hukum. Ini kerana ia menyerupai *illah* dalam qiyas yang diperolehi melalui kefahaman terhadap dalil-dalil yang berkaitan dengan sesuatu hukum syarak secara khusus dan ia merupakan hujah yang disepakati oleh ilmuwan Islam dalam penentuan hukum. Manakala *maslahah mursalah* pula perlu dipastikan selari dengan maqasid syariah bagi membolehkan ianya diterima. Oleh itu, *maslahah mursalah* dan maqasid syariah adalah saling berkait rapat di antara satu sama lain kerana maqasid syariah merupakan penentu bagi penerimaan dan kesahihan *maslahah mursalah*.

Pandangan yang menyatakan bahawa maqasid syariah tidak boleh menjadi sandaran hukum secara langsung adalah berasaskan kepada kekeliruan dalam membezakan antara *maslahah mursalah* dan maqasid syariah. Kekeliruan ini boleh disimpulkan berasaskan kepada pembahagian *maslahah* dan maqasid syariah yang dilihat mempunyai persamaan terutamanya dari sudut pembahagian keduanya kepada *darūriyyāt*, *hajīyyat* dan *tahsīniyyat*. Hakikatnya *maslahah* tersebut adalah maqasid syariah kerana ia diiktiraf oleh nas-nas wahyu secara umumnya. Berbeza pula dengan *maslahah mursalah* disebabkan ia adalah *maslahah* yang tidak mempunyai sokongan wahyu secara langsung tetapi ia selari dengan *maslahah* yang diperakui oleh syarak yang menjadi maqasid syariah. Oleh itu, penolakan aliran mazhab Syafie terhadap *maslahah mursalah* bukanlah bermaksud mereka menolak maqasid syariah sebagai sandaran hukum tetapi mereka menolak akal semata-mata untuk dijadikan sandaran dalam menentukan sesuatu *maslahah mursalah* itu boleh diterima atau tidak. Kenyataan ini jelas berdasarkan kepada tindakan al-Ghazali (1993) daripada aliran mazhab Syafie yang telah meletakkan *maslahah mursalah* di bawah kategori dalil yang tidak berasas tetapi dalam masa yang sama beliau memperakui maqasid syariah perlu dijadikan sebagai landasan dalam menerima atau menolak *maslahah mursalah* tersebut. Beliau (1993) berkata:

“Tetapi kami maksudkan *maṣlaḥah* itu ialah menjaga matlamat syarak. Matlamat syarak terhadap manusia ada lima perkara. Iaitulah untuk menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mereka. Semua perkara yang dapat menjaga asas yang lima ini maka ia adalah *maṣlaḥah* (kebaikan). Dan semua perkara yang menghapuskan asas-asas ini maka ia adalah *mafsadah* (keburukan) dan menghilangkannya adalah *maṣlaḥah*.... Apabila kita maksudkan dengan *maṣlaḥah* itu adalah untuk menjaga objektif syarak maka tiada jalan untuk diperselisihkan mengenai penerimaannya. Bahkan perlu dimuktamadkan mengenai kejujahannya.”

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada analisis yang telah dilakukan, *maslahah mursalah* merupakan *maslahah* yang tidak mempunyai sandaran dalil syarak secara langsung tetapi ia selari dengan matlamat dan tujuan syarak. Manakala maqasid syariah pula ialah rumusan terhadap matlamat syarak yang dikenal pasti melalui keseluruhan atau sebahagian besar dalil syarak. Maqasid syariah perlu menjadi asas utama kepada penerimaan *maslahah mursalah*.

Penolakan sebahagian ilmuwan Islam terhadap *masalah mursalah* ialah merujuk kepada *masalah* yang hanya dikenal pasti oleh akal semata-mata dan bukannya merujuk kepada *masalah* yang selari dengan maqasid syariah. Oleh itu, tidak wujud kemusykilan dalam penerimaan maqasid syariah sebagai sandaran bagi penentuan hukum syarak.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Universiti Kebangsaan Malaysia melalui geran penyelidikan GGP-2017-012.

RUJUKAN

- Abū Zahrah, M. (1997). *Uṣūl al-Fiqh*. al-Qāherah: Dār al-Fikr al-ʿArabī.
- Ahmad Wifaq Mokhtar. (2014). *Maqasid Inda al-Imam al-Shafi'i*. al-Qāherah: Dār al-Salām.
- Al-ʿAmidī, ʿAlī Ibn Abī ʿAlī. (1998). *al-Ihkām Fī Uṣūl al-Ahkām*. Beirut: Dār al-Kitāb al-ʿArabī.
- Al-Azharī, M. I. A. A.-H. (2001). *Tahdhīb al-Lughah*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-ʿArabī.
- Al-Bukhārī, M. I. I. (1997). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. (ʿAbd al-Malik Mujāhid, Ed.). al-Riyāḍ: Dār al-Salām.
- Al-Būṭī, M. S. R. (1982). *Dawābiṭ al-Maṣlaḥah Fī al-Sharīʿah al-Islāmiyyah*. Mu'assasah al-Risālah.
- Al-ʿAbd, Z. al-ʿĀbidīn. (2004). *Ra'y al-Uṣūliyyīn Fī al-Maṣlaḥah Wa al-Istiḥsān Min Ḥaiṭh al-Hujjiyyah*. Dubai: Dār al-Buḥūth Lī al-Dirāsāt al-Islāmiyyah.
- Al-Fāsī, ʿAllāl. (1993). *Maqāṣid al-Sharīʿah al-Islāmiyyah Wa Makārimuhā*.
- Al-Fayyūmī, A. I. M. I. ʿAlī. (n.d.). *Al-Miṣbāḥ al-Munīr Fī Gharīb al-Sharḥ al-Kabīr*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Ghazālī, M. I. M. (1993). *Al-Mustaṣfā Min ʿIlm al-Uṣūl*. (ʿAbd al-Shāfi Muḥammad ʿAbd al-Salām, Ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Juwaynī, ʿAbd al-Malik Ibn ʿAbdullāh. (1997). *al-Burhān Fī Uṣūl al-Fiqh*. (ʿAbd al-ʿAḍīm Maḥmūd Al-Dīb, Ed.). Qatar: Dār al-Wafā'.
- Al-Najjār, ʿAbd al-Majīd. (2008). *Maqāṣid al-Sharīʿah Bi Ab'ād Jadīdah* (Ed. Kedua). Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Raysūnī, A. (1992). *Naẓariyyah al-Maqāṣid ʿInda al-Imām Al-Syāṭibī* (Ed. Kedua). The International Institute of Islamic Thought.
- Al-Raysūnī, A. (1999). *Al-Fikr al-Maqāṣidī Wa Qawā'iduh Wa Fawā'iduh*. al-Ribāt: Jarīdah al-Zaman.
- Al-Shāṭibī, I. I. M. al-L. (2004). *al-Muwāfaqāt Fī Uṣūl al-Sharīʿah*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Shawkānī, M. I. ʿAlī. (2000). *Irshād al-Fuḥūl Ilā Taḥqīq al-Haq Min ʿIlm al-Uṣūl*. (M. S. I. H. Hallaq, Ed.). Damsyik: Dār Ibn Kathīr.
- Al-Yūbī, M. S. I. A. I. M. (1998). *Maqāṣid al-Sharīʿah al-Islāmiyyah Wa ʿAlāqatuhā Bi al-Adillah al-Sharʿiyyah*. al-Riyāḍ: Dār al-Hijrah.
- Al-Zuhaylī, W. (1986). *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Auda, J. (2013). *al-Ijthād al-Maqāṣidī Min al-Taṣawwur al-Uṣūlī Ilā al-Tanzīl al-Amālī*. Beirut: Arab Network For Research And Publishing.
- Būrḳāb, M. A. (2002). *al-Maṣlaḥah al-Mursalāh Wa Atharuhā Fī Murūnah al-Fiqh al-Islāmī*. Dubai: Dār al-Buḥūth Lī al-Dirāsāt al-Islāmiyyah Wa Ihyā' al-Turāth.
- Ḥassān, Ḥusayn Ḥāmid. (1971). *Naẓariyyah al-Maṣlaḥah Fī al-Fiqh al-Islāmī*. al-Qāherah: Dār al-Nahḍah al-ʿArabiyyah.
- Ibn Bayyah, ʿAbdullāh. (2006). *ʿAlāqah Maqāṣid al-Sharīʿah Bi Uṣūl al-Fiqh*. London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation.
- Ibn Bayyah, ʿAbdullāh. (2012). *Mashāhid Min al-Maqāṣid* (Ed. Kedua). al-Riyāḍ: Wojooh Publishing & Distribution House.
- Ibn ʿĀshūr, M. Ṭāhir. (2001). *Maqāṣid al-Sharīʿah al-Islāmiyyah*. (M. al-Ṭāhir Al-Maysāwī, Ed.) (Ed. ke-2). Amman: Dār al-Nafā'is.
- Ibn Fāris, A. A.-R. al-Q. (1979). *Muʿjam Maqāyīs al-Lughah*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Hazm, ʿAlī Ibn Aḥmad al-Andalusī. (1998). *al-Ihkām Fī Uṣūl al-Ahkām*. (M. Ḥāmid Uthmān, Ed.). al-Qāherah: Dār al-Ḥadīth.
- Ibn Manzūr, M. I. M. (n.d.). *Lisān al-ʿArab*. Beirut: Dār al-Ṣādir.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (2017). *Limitasi Penggunaan Prinsip Maqasid Syariah Dalam Penentuan Hukum*. Muzakarah Pakar: Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Berlandaskan Maqasid al-Shariah, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 11 Oktober.
- Mohd Hapiz Mahaiyadin. (2017). *Ini Mazhabku: Bagaimana Saya Beriltizam Dengan Mazhab*. (Rohidzir Rais, Ed.). Sepang: Inspirasi I Media.
- Sultān al-ʿUlamā', ʿIzzuddīn ʿAbd al-ʿAzīz Ibn ʿAbd al-Salām al-Sulamī. (1991). *Qawā'id al-Ahkām Fī Iṣlāh al-Anām*. (T. ʿAbd al-R. Sa'ad, Ed.). al-Qāherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhāriyyah.
- Yamānī, A. Z. (2006). *Fiqh al-Maqāṣid Wa Fiqh al-Nuṣūṣ*. In M. S. Al-ʿAwwā (Ed.), *Maqāṣid al-Sharīʿah al-Islāmiyyah: Dirāsāt Fī Qaḍāyā al-Manhaj Wa Majālāt al-Taṭbīq* (pp. 17–36). London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation.

Dr. Muhammad Nazir Alias
Lecturer at Pusat Kajian Syariah,
Faculty of Islamic Studies, UKM. Malaysia.
Email: nazir@ukm.edu.my

Dr. Ahmad Bin Muhammad Husni
Lecturer at Department of Fiqh & usul al-Fiqh.
Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge & Human Sciences, (KIRKHS),
IIUM Gombak Campus. P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur,
International Islamic University Malaysia.
Email: ahmedking@iium.edu.my

Mohd Sham Kamis, Muhammad Adib Samsudin, Anwar Fakhri Omar, Ahmad Irdha Mokhtar
Staff Acadimec at Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi. Selangor, Malaysia.